

02 OCT 1996

PM PELAWA LI PENG LAWAT MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengutus jemputan kepada rakan sejawatannya dari China, Li Peng, untuk membalas lawatan ke negara ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng hari ini berkata beliau sendiri menyerahkan jemputan itu kepada Li Peng semasa lawatannya ke negara itu baru-baru ini untuk menghadiri mesyuarat Majlis Kerjasama Antarabangsa mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan China (CCICED).

Law berkata demikian kepada pemberita selepas mesyuarat mingguan kementerian di pejabatnya di sini.

Pada Ogos lepas, Dr Mahathir mengunjungi Li Peng semasa mengadakan lawatan kerja empat hari ke China untuk meningkatkan kerjasama ekonomi dua hala, yang beliau turut memberi ucapan di Dialog Beijing mengenai Perkongsian Malaysia-China.

Law berkata Malaysia merupakan satu daripada tiga negara membangun termasuk India dan Indonesia yang dipelawa menyertai mesyuarat 50 anggota CCICED, yang kini dalam tahun kelimanya.

Beliau berkata CCICED ditubuhkan bagi menggalakkan pengurusan alam sekitar lebih sempurna menerusi pembangunan di China dengan mendapatkan nasihat dan bantuan kewangan daripada negara-negara lain. -- BERNAMA

NI NAK